

RABITAH DAN QUDWAH BAGI TUJUAN PEMBINAAN

MASJID DAN SURAU DI NEGERI PERAK

Pengenalan

Amalan membina masjid atau surau adalah salah satu “amal besar” yang mendatangkan ganjaran yang sangat lumayan. Walau bagaimanapun, pembinaan masjid dan surau memerlukan perhatian khusus dari segi ruang kerana berkait rapat dengan syarat-syarat sah mengikut imam atau *qudwah* solat berjemaah. Dalam konteks solat berjemaah, rabitah merujuk kepada pengikat atau penyambung antara imam dan makmum. Manakala *qudwah* bermaksud mengikuti imam dengan betul dan sah menurut syariat Islam. Kesahan *qudwah* bergantung kepada beberapa syarat utama yang mesti dipenuhi.

Antara syarat sah *qudwah* berdasarkan Mazhab al- Syafi'i secara umum seperti berikut:¹

1. Hendaklah makmum mengetahui perbuatan zahir imamnya sama ada dengan dilihat sebahagian sifatnya atau melihat sebahagian saf atau mendengar suaranya atau suara mubaligh atau seumpamanya.
2. Makmum tidak boleh terkehadapan posisinya daripada imam.
3. Hendaklah imam dan makmum itu *ijtima'* (berhimpun) dan berada pada satu tempat.

Dalam konteks pembinaan masjid dan surau, kriteria utama yang perlu diaplikasi ialah syarat imam dan makmum itu *ijtima'* (berhimpun) di satu tempat dan syarat *ijtima'* ini berbeza antara solat yang dilaksanakan di masjid dan di surau.

Justeru, kesahan *qudwah* dalam solat berjemaah sangat bergantung kepada pemenuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat. Jika semua syarat dipenuhi, maka solat berjemaah tersebut sah dan makmum mendapat kelebihan pahala berjemaah seperti yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW.

¹ A-Nawawī (t.t). *Rawḍah al-Ṭālibīn*. Mesir: Maktabah Tawfiqiyyah. Jil. 1. h. 537-539; Al-Khatīb al-Shirbinī (2005). *Al-Iqnā' fi Ḥallī al-Fāz Abī Syuja'*. Cet. 2. Jil. 1. h. 341-346.

Objektif

Kertas kerja fatwa ini dibina bertujuan memberikan garis panduan bagi pembinaan masjid dan surau di Negeri Perak agar syarat *rabtah* dan *qudwah* tercapai selaras dengan Mazhab al-Syafi'i.

Hujah

Bagi menjelaskan syarat *qudwah* iaitu imam dan makmum itu *ijtima'* (berhimpun) di satu tempat, maka keadaan ini dapat digambarkan melalui beberapa keadaan berikut;

❖ Imam dan Makmum Solat dalam Masjid Tidak Bertingkat.

Jika imam dan makmum berada di dalam sebuah masjid, maka ikutan solat dikira sah sekalipun jarak di antara mereka adalah jauh atau dihalang oleh beberapa buah binaan seperti kolah, menara dan sebagainya.² Perkara ini dijelaskan oleh Imam Ibn hajar al-Haitami (1566H) yang menyebutkan pada bab sekiranya makmum dan imam di dalam masjid yang sama:

صَحَّ الْإِقْتِدَاءُ إِجْمَاعًا وَإِنْ بَعُدَتْ الْمَسَافَةُ وَحَالَتْ الْأُنْيَةُ الَّتِي فِيهِ الْمُتَنَافَذَةُ
الْأَبْوَابِ إِلَيْهِ³

Terjemahannya: "Sah mengikut imam secara ijma' walaupun jarak yang jauh dan terhalang bangunan yang mempunyai laluan serta pintu yang menghubungkan".

Syeikh Dawud bin 'Abd Allah al-Fathonī menghuraikan lagi dengan katanya:

(maka kelakuan) yang pertama bahawa adalah keduanya di dalam masjid sahlah ikutnya akan imam dan jika jauh antara keduanya daripada 300 hasta dan jikalau ada dinding yang antara keduanya beberapa bina seperti telaga dan sutuh dan

² Dāwūd bin 'Abd Allah al-Fathonī. (t.t). *Bughyah al-Tullab* Jil. 1. h. 184-186; Muhammad Arshad al-Banjārī. (t.t). *Sabil al-Muhtadin*. Jil. 2. h. 31-34.

³ Ibn hajar al-Haitami (t.t). *Tuhfah al-Muhtaj*. Jil. 2. h. 313.

*manarah tetapi dengan syarat jika ada bina itu pintu yang terus ke masjid atau kepada sutuhnya dan jika ada pintunya tertutup dengan dikuncinya atau tiada sekira-kira dapat lalu makmum kepada imamnya maka sahlah ikutnya.*⁴

Maka, ulama telah bersepakat bahawa sah *qudwah* makmum yang mengikuti imam dalam masjid dengan jarak yang jauh adalah dengan syarat berhubung atau mempunyai laluan yang boleh dilalui tanpa halangan. Namun, sekiranya terdapat tingkap sahaja yang menghubungkan di antara imam dan dengan makmum walaupun dia boleh melihat imam, maka tidak sah ikutan makmum tersebut.⁵

Bagaimana jika laluan pergi kepada imam memerlukan makmum berpaling daripada arah kiblat atau membelakangkannya?

Berdasarkan persoalan di atas, Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani di dalam kitabnya *Matla' al-Badrāin* telah mengemukakan pandangan beliau:

“....(dan yang keempatnya- daripada syarat-syarat qudwah)... (maka jika) kedua-duanya di dalam masjid sah diikutnya, dan jikalau jauh di antara kedua-duanya sekalipun, jika ada pintu sekaliannya di dalam masjid dan dapat menjadi laluan kepada imam, jika walaupun terpaksa berpaling daripada kiblat dan membelakanginya sekalipun tidak memberi mudarat.”⁶

Pandangan di atas dikuatkan dengan penjelasan al-Khatīb al-Syirbīnī (1571H) di dalam kitabnya *al-Iqnā' fi Ḥallī al-Fāz Abī Syuja'* sebagaimana berikut:

إِذَا كَانَا بِمَسْجِدٍ ف (أَي مَوْضِعٍ صَلَّى) الْمَأْمُوم (فِي الْمَسْجِدِ) وَمِنْهُ

⁴ Dāwūd bin 'Abd Allah al-Fathonī. (t.t). *Bughyah al-Ṭullab*. Juz. 1. h. 184.

⁵ Dāwūd bin 'Abd Allah al-Fathonī. (t.t). *Bughyah al-Ṭullab*. Juz. 1. h. 184. Muhammad Arshad al-Banjārī. (t.t). *Sabil al-Muhtadin*. Juz. 2. h. 31.

⁶ Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani (t.t). *Matla' al-Badrain*. Pulau Pinang: Percetakan al-Muarif Sdn. Bhd. h. 42.

رحبته (بِصَلَاةِ الْإِمَامِ فِيهِ) أَيِ الْمَسْجِدِ (وَهُوَ عَالِمٌ بِصَلَاتِهِ) أَيِ الْإِمَامِ
 لِيَتِمَّكَنَ مِنْ مُتَابَعَتِهِ بِرُؤْيَيْهِ أَوْ بَعْضِ صَفٍّ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ كَسَمَاعِ صَوْتِهِ أَوْ
 صَوْتِ مَبْلَغٍ (أَجْزَأُهُ) أَيِ كَفَاؤِهِ ذَلِكَ فِي صِحَّةِ الْإِقْتِدَاءِ بِهِ وَإِنْ بَعُدَتْ
 مَسَافَتُهُ وَحَالَتْ أُنْبِيَةٌ نَافِذَةٌ إِلَيْهِ كَبُئِرٌ أَوْ سَطْحٌ سَوَاءٌ أَغْلَقْتَ أَبْوَابَهَا أَمْ لَا
 لِأَنَّهُ كُلُّهُ مَبْنِيٌّ لِلصَّلَاةِ فَالْمُجْتَمِعُونَ فِيهِ
 مُجْتَمِعُونَ لِإِقَامَةِ الْجَمَاعَةِ مُؤَدُونَ لَشَعَارِهَا

Berdasarkan teks di atas, beliau menjelaskan bahawa sah ikutan makmum di mana sahaja ruang masjid, dengan syarat makmum mengetahui perbuatan imamnya sama ada dengan cara melihat atau mendengar suaranya. Hal ini kerana masjid dibina untuk tujuan solat berjemaah.⁷

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa adalah sah *qudwah* solat berjemaah di mana sahaja kedudukan makmum di dalam masjid, dengan syarat boleh pergi kepada imam secara biasa walaupun terpaksa berpaling daripada kiblat atau membelakangkannya sekalipun terdinding antara imam dan makmum oleh sesuatu binaan seperti dinding tetapi ada pintu boleh pergi kepada imam (walaupun pintu itu ditutup atau dikunci dan bukannya dipaku).

❖ Imam dan Makmum Solat dalam Masjid Bertingkat.

Bagi masjid yang bertingkat, Wahbah al-Zuhayli mengutip pandangan mazhab Syafi'i yang mengatakan bahawa lantai atas masjid (tingkat atas) merupakan satu kesatuan masjid sehingga solat makmum yang mengikuti imam dari tingkat atas atau di bahagian *rahbah*⁸ adalah dikira sah sebagaimana kata beliau:

⁷ Al-Khatib al-Syirbinī (t.t). *al-Iqnā' fi Halli al-Fāz Abī Syuja'*. Jil. 1. h. 345.

⁸ *Rahbah* ialah kawasan yang bersambungan dengan masjid dan di dalam pagar masjid adalah dikira sebagai masjid. Hal ini dijelaskan oleh al-Nawawi di dalam al-Majmuk, terjemahannya: "dikehendaki dengan rahbah ialah apa-apa yang disandarkan kepada masjid dipagari kepadanya telah berkata Shāfi'i bahawa sah iktikaf di kawasan

ويعد سطح المسجد ورحبته ونحوهما في حكم المسجد

Terjemahannya: “Dikira atap [lantai atas], halaman masjid dan seumpama kedua-duanya (bahagian masjid yang lain) dalam ketetapan hukum masjid”⁹

Pandangan di atas dikuatkan dengan penjelasan Abū Bakar al-Hishnī (892H) di dalam Kitab *Kifayātul al-Akhyār* di mana beliau menjelaskan bahawa selagi mana makmum berada di dalam mana-mana bahagian bangunan masjid, maka ikutan solat berjemaahnya adalah sah sebagaimana berikut;

فإذا جمعهما مسجد أو جامع صح الاقتداء سواء انقطعت الصفوف
بينهما أو اتصلت وسواء حال بينهما حائل أم لا وسواء جمعهما مكان
واحد أم لا لأنه كله مكان واحد وهو مبني للصلاة

Terjemahan: “apabila kedua-duanya (imam dan makmum) berada di dalam masjid atau jamek, maka sah ikutan solat berjemaah, sama ada terputus saf atau bersambung di antara kedua-duanya atau kedua-duanya tersekat oleh sesuatu atau tidak tersekat dan sama ada mereka berada pada satu tempat yang sama atau tidak. Hal ini kerana kesemua tempat di dalam masjid adalah satu tempat iaitu binaan untuk solat.”¹⁰

Begitu juga al-Khatīb al-Syirbīnī (1571H) juga mengemukakan pandangan beliau di dalam kitabnya *al-Iqnā’ fi Hallī al-Fāz Abī Syuja’* sebagaimana berikut:

(أجزأه) أي كفاه ذلك في صحة الاقتداء به وسواء

rahbah masjid kerana ia sebahagian daripada masjid. Rujukan al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyiddīn Yahya bin Sharf. (t.t). *Kitāb al-Majmū’ Sharh al-Muḥadhdhab li al-Shirāzī*. Bayrūt: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabī. Jil. 6. h. 507.


⁹ Wahbah al-Zuhayli. (1985). *Al-Fiqh Islami wa Adillatuh*. Beirut: Darul Fikr. cet. 2. Juz 2. h. 231.

¹⁰ Abu Bakar Al-Hishni. (1994). *Kifayatul al-Akhyar*. Beirut: Darul Fikr. juz 2. h. 111.

أَكَانَ أَحَدُهُمَا أَعْلَى مِنَ الْآخَرِ أَمْ لَا كَأَن وَقَفَ أَحَدُهُمَا عَلَى سَطْحِهِ أَوْ
مِنَارَتِهِ وَالْآخَرِ فِي سِرْدَابٍ أَوْ بِئْرِ فِيهِ لِأَنَّهُ كُلُّهُ مَبْنِيٌّ لِلصَّلَاةِ فَالْمَجْتَمِعُونَ.

Terjemahannya: “ Memadai pada sah ikutan.....sama ada salah seorang daripada mereka lebih tinggi daripada yang lain atau tidak, ia seperti salah seorang berdiri di atas bumbung atau menara, manakala yang lain pula di ruang bawah tanah atau telaga di dalam masjid, (keharusan ini adalah) kerana keseluruhan masjid dibina untuk tujuan solat berjemaah”.

Berdasarkan keterangan di atas, jelas menunjukkan bahawa sah *qudwah* (ikutan) selagi mana kedua-duanya (imam dan makmum) berada di dalam masjid serta mempunyai laluan yang boleh dilalui seperti tangga. Justeru, kedudukan tangga untuk turun naik hendaklah berada di dalam bangunan masjid, sama ada di depan atau di belakang makmum. Jika tangga berada di luar masjid sedangkan imam berada di tingkat bawah, maka tidak sah solat bagi makmum yang berada di tingkat atas.



Kesimpulannya, perkara paling penting dalam pembinaan sebuah masjid bertingkat ialah perlunya laluan tangga yang berada di dalam bangunan masjid bertujuan bagi membolehkan makmum menuju ke aras imam, sama ada imam berada di tingkat atas atau sebaliknya.

❖ **Imam dan Makmum Berada di Surau Diri Jumaat (SDJ)/ Surau Ta'addud Jumaat (STJ)/ Surau, sama ada Bertingkat atau Tidak.**

Jika imam dan makmum berada di suatu bangunan seperti surau, maka ikutan solat berjemaah dikira sah dengan syarat-syarat berikut:¹¹

- 1) Jaraknya tidak melebihi 300 hasta iaitu 150 meter antara imam dan makmum.
- 2) Jangan ada di antara imam dan makmum sesuatu yang menegah dari laluan pergi kepada imam dengan jalan biasa walaupun berjalan secara mengiring ke kanan atau ke kiri dan bukannya membelakangkan kiblat, seperti tingkap.
- 3) Jangan ada di antara keduanya sesuatu yang menghalang daripada melihat imam atau saf-saf di belakang imam seperti pintu yang ditutup atau tirai yang dilabuhkan.
- 4) Hendaklah ada seorang daripada makmum berdiri berbetulan dengan pintu supaya dapat terus melihat imam atau sebahagian makmum yang berada di bangunan satu lagi atau yang berada ditempat lain dalam bangunan yang sama kerana jika ada sesuatu yang melindungi antara imam dan makmum atau tidak ada seorang pun makmum yang berdiri berbetulan pintu, maka tidak sah mengikut imam.

Manakala bagi reka bentuk surau bertingkat, disyaratkan laluan pergi kepada imam (tangga) adalah dengan jalan biasa walaupun berjalan secara mengiring ke kanan atau ke kiri dan bukannya membelakangkan kiblat. Perkara ini telah dijelaskan oleh Muhammad Arshad al-Banjārī di dalam kitab *Sabil a-Muhtadin*:¹²

"Dan jika berdiri salah seorang daripada keduanya di atas dan seorang di bawah maka tiada disyaratkan berbetulan setengah badan keduanya atas ṭarīq yang di'itimādkan oleh Imam Nawawi di dalam Minhaj dan berlaku atasnya Syeikh al-

¹¹ Al-Nawawi (t.t) *Rawdah al-Talibin*. Mesir: Maktabah al-Tawfiqiyyah . Jil. 1. h. 540-543; al-Khatib al-Syirbinī (t.t). *al-Iqnā' fi Halli al-Fāz Abī Syuja'*. Jil. 1. h. 346; Dāwūd bin 'Abd Allah al-Fathonī. (t.t). *Bughyah al-Ṭullab*. Juz. 1. h. 185.

¹² Muhammad Arshad al-Banjārī. (t.t). *Sabil al-Muhtadin*. Juz. 2. h. 34.

Islam dan Syeikh Khatib dan Syeikh Ibn Hajar dan Syeikh Ramli dan yang lain daripada mereka itu, hanya disyaratkan jangan jauh antara keduanya lebih daripada 300 hasta dan jika tiada ada keduanya di dalam satu masjid dan lagi dapat ia mendapatkan imamnya dengan tiada membelakangi kiblat seperti yang telah tersebut”

Isu

Apakah hukum pembinaan tandas di dalam bangunan masjid?

Di sisi mazhab al-Syafi'i, tidak boleh dibina tandas di dalam bangunan masjid kerana mengikut pandangan yang *aşah* (kuat) mengatakan bahawa diharamkan kencing di dalam masjid kerana kencing merupakan perbuatan yang buruk yang mampu mengotori masjid. Imam Nawawi menjelaskan isu ini di dalam kitabnya yang bernama *al-Majmuk* seperti berikut;

يَحْرُمُ الْبَوْلُ فِي الْمَسْجِدِ فِي غَيْرِ إِنَاءٍ: وَأَمَّا فِي الْإِنَاءِ فَفِيهِ اخْتِمَالَانِ لِابْنِ
الصَّبَّاحِ ذَكَرَهُمَا فِي بَابِ الْإِعْتِكَافِ أَحَدُهُمَا الْجَوَازُ كَالْفَصْدِ وَالْحِجَامَةِ فِي
إِنَاءٍ: وَالثَّانِي التَّحْرِيمُ لِأَنَّ الْبَوْلَ مُسْتَقْبَحٌ فَنَزَّهُ الْمَسْجِدُ مِنْهُ وَهَذَا الثَّانِي
هُوَ الَّذِي اخْتَارَهُ الشَّاشِيُّ وَغَيْرُهُ وَهُوَ الْأَصَحُّ

Terjemahannya: “Adalah diharamkan kencing di dalam masjid sekiranya bukan di dalam bekas: dan adapun di dalam bekas terdapat dua kemungkinan, mengikut pandangan Ibnu Sabbagh, ia menyatakan kedua-duanya pada bab l'tikaf. Pertamanya diharuskan seperti berbekam di badan (*al-Fasd*) dan kepala (*al-Hijamah*) di dalam bekas. Dan pandangan kedua diharamkan kerana kencing merupakan perkara yang buruk maka dikhuatiri mengotori masjid

daripadanya. Dan pandangan yang kedua adalah yang di pilih al-Syashi dan selainnya, dan ini merupakan pandangan yang *asoh*¹³.

Apakah halaman luar masjid (serambi) yang bersambung dengan dewan solat dikira sebagai masjid?

قال النووي: المراد بالرحبة ما كان مضافا إلى المسجد محجرا عليه وهو من المسجد نص الشافعي على صحة الاعتكاف فيها

Terjemahannya: “yang dimaksudkan dengan *rahbah* ialah halaman yang bersambung dan berhubung dengan masjid dan berada di dalam pagar masjid. Halaman masjid ini adalah sebahagian daripada masjid. Imam syafi’i menaskan mengatakan bahawa sah iktikaf di kawasan *rahbah*.¹⁴

Justeru, sekiranya serambi masjid berstatus *rahbah* yang tidak diyakini dibangunkan setelah pembangunan masjid atau tidak diyakini bukan termasuk masjid, maka sah iktikaf di kawasan tersebut serta *qudwah* solat berjemaah adalah sah meskipun pintunya tertutup.

Saranan

Berdasarkan perbincangan di atas, berikut beberapa cadangan bagi pembinaan masjid dan surau di Negeri Perak:

1. Ulama telah bersepakat bahawa sah *qudwah* makmum yang mengikuti imam dalam masjid dengan syarat berhubung atau mempunyai laluan yang boleh dilalui tanpa halangan seperti tingkap.

¹³ al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyiddīn Yahya bin Sharf. (t.t). *Kitāb al-Majmū’ Sharh al-Muḥadhdhab li al-Shirāzī*. Bayrūt: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabī. Jil. 2. h. 92.

¹⁴ *Ibid*.

2. Sah *qudwah* solat berjemaah di mana sahaja kedudukan makmum di dalam masjid, walaupun terpaksa berpaling daripada kiblat atau membelakangkannya sekalipun terdinding antara imam dan makmum oleh sesuatu binaan seperti dinding, tetapi ada pintu boleh pergi kepada imam (walaupun pintu itu ditutup atau dikunci dan bukannya dipaku).
3. *Rahbah* iaitu kawasan yang bersambungan dengan masjid dan di dalam pagar masjid adalah dikira sebagai masjid dan sah iktikaf menurut Mazhab al-Syafi'i.
4. Hendaklah diwujudkan pintu (lalu)an kiri dan kanan di bahagian hadapan dewan solat masjid dan surau bagi lalu)an keluar dan masuk makmum lelaki dewasa.
5. Hendaklah diwujudkan pintu (lalu)an kiri dan kanan di bahagian tengah dewan solat masjid dan surau bagi lalu)an kanak-kanak dan lelaki dewasa yang terlewat menghadiri solat berjemaah.
6. Hendaklah diwujudkan pintu (lalu)an kiri dan kanan bagi saf wanita atau di belakang saf wanita agar tidak berlaku percampuran dengan kaum lelaki sama ada di masjid atau surau.
7. Bagi pembinaan sebuah masjid dan surau bertingkat, hendaklah lalu)an tangga berada di dalam bangunan masjid dan surau bertujuan bagi membolehkan makmum menuju ke aras imam, sama ada imam berada di tingkat atas atau sebaliknya. Jika tangga berada di luar masjid dan surau sedangkan imam berada di tingkat bawah, maka tidak sah solat bagi makmum yang berada di tingkat atas.
8. Manakala bagi reka bentuk surau bertingkat, disyaratkan lalu)an pergi kepada imam (tangga) adalah dengan jalan biasa walaupun berjalan secara mengiring ke kanan atau ke kiri dan bukannya membelakangkan kiblat.
9. Pembinaan surau tidak bertingkat hendaklah jangan ada di antara imam dan makmum sesuatu yang menegah dari lalu)an pergi kepada imam dengan jalan biasa walaupun berjalan secara mengiring ke kanan atau ke kiri dan bukannya membelakangkan kiblat, seperti tingkap
10. Tidak membina tandas di dalam bangunan masjid berdasarkan pendapat yang *asoh* di sisi mazhab syafi'i. Ini kerana tandas yang bersambung secara langsung dengan dewan solat dikira sebagai hukum masjid serta demi menjaga kesucian masjid sebagai rumah Allah SWT. Begitu juga surau demi menjaga kesuciannya.

SYOR

Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan di atas, ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dipohon untuk memberikan pandangan dan pertimbangan mengenai garis panduan pembinaan masjid dan surau di Negeri Perak yang telah dibincangkan.

Rujukan

Abu Bakar Al-Hishnī. (1994). *Kifāyatul al-Akhyār*. Beirut: Darul Fikr. juz 2.

Al-Khatīb al-Shirbinī (2005). *Al-Iqnā' fi Ḥallī al-Fāḥ Abī Syuja'*. Cet. 2. Jil. 1.

Al-Nawawī (t.t). *Rawḍah al-Ṭālibīn*. Mesir: Maktabah Tawfiqiyyah. Jil. 1.

Al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyiddīn Yahya bin Sharf. (t.t). *Kitāb al-Majmū' Sharh al-Muḥadhdhab li al-Shirāzī*. Beirut: Dār Ihya" al-Turath al-„Arabī. Jil. 2.

Dāwūd bin 'Abd Allah al-Fathonī. (t.t). *Bughyah al-Ṭullab*. Juz. 1.

Muhammad Arshad al-Banjārī. (t.t). *Sabil al-Muhtadīn*.

Muhammad bin Ismail Daud al-Fathanī (t.t). *Matla' al-Badrain*. Pulau Pinang: Percetakan al-Muarif Sdn. Bhd..

Wahbah al-Zuhaylī. (1985). *Al-Fiqh Islami wa Adillatuh*. Beirut: Darul Fikr. cet. 2.